

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]**

**NO. SOALAN : 160**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian terhadap jumpaan para penyelidik University of Lund, Sweden mengenai bahasa Jedek yang masih wujud di utara Semenanjung Malaysia yang merupakan suku bahasa yang sekedudukan dalam keluarga bahasa Autroasiatic.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Akta 134, Seksyen 2, tafsiran "bahasa orang asli" termasuklah apa-apa bahasa dan apa-apa ubahsuaian dialek atau bentuk kuno bahasa yang lazim digunakan oleh mana-mana Orang Asli.

JAKOA telah mendapat makluman daripada penduduk kampung Sungai Rual bahawa Bahasa Jedek ini merupakan bahasa asal bagi Orang Asli di Sungai Rual, Jeli, Kelantan. Bahasa Jahai mula digunakan pada tahun 1972, apabila kerajaan membangunkan Rancangan Kampung Baharu (RKB) Sungai Rual dengan penglibatan Orang Asli Kaum Jahai dari Kampung Orang Asli Banun, Gerik, Perak datang menetap di situ. Penularan Bahasa Jahai ini pada dasarnya telah menggantikan Bahasa Jadek, namun begitu, penggunaan Bahasa Jedek masih lagi digunakan dikalangan orang-orang tua Kaum Jahai, tetapi generasi baru hanya menggunakan Bahasa Jahai sehingga kini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun 2011, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menerbitkan tiga (3) siri kamus Daftar Kata bagi lapan belas (18) suku kaum Orang Asli termasuk Bahasa Jahai yang ditulis oleh Dr. Mohd Sharufudin Yusop dari Unit Kecemerlangan Warisan Bangsa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bahasa Jadek tidak dimasukkan ke dalam buku Daftar Kata ini kerana tidak lagi digunakan oleh generasi kini kaum Orang Asli Jahai sebaliknya Bahasa Jahai telah digunakan sebagai bahasa utama bagi Kaum Orang Asli Jahai.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) akan terus bekerjasama dengan pengkaji dalam dan luar negara bagi melaksanakan kajian dan dokumentasi bagi memastikan kebudayaan dan warisan Orang Asli terus kekal.